

**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2009/2010**

NAMA MATA PELAJARAN : PENGURUSAN PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN

KOD MATA PELAJARAN : BBG 3363

KURSUS : SARJANA MUDA (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2009

JANGKA MASA : 3 JAM

ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A PADA KERTAS SOALAN. JAWAB SAMA ADA SOALAN S1 ATAU S2 DAN SOALAN 3 DI BAHAGIAN B MENGGUNAKAN BUKU JAWAPAN DISEDIAKAN.

NAMA : \_\_\_\_\_

NO. MATRIK : \_\_\_\_\_

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 6 MUKA SURAT

**SULIT**

**BAHAGIAN A**

**Jawab semua soalan pada ruangan yang disediakan**

- S1 Dalam konteks pengurusan sekolah, pengurusan secara klasiknya boleh ditakrifkan sebagai

.....  
.....  
.....

(2 markah)

- S2 Berikan dua fungsi pengurusan yang boleh dikaitkan dengan

(a) keberkesanan individu .....

(b) keberkesanan kumpulan .....

(4 markah)

- S3 Berikan dua fungsi pengurusan yang boleh dikaitkan dengan (a) perubahan organisasi (organizational change) dan (b) keberkesanan (effectiveness)

(a) .....

(b) .....

(4 markah)

- S4 “Selari dengan perubahan selera pelanggan, Big Mac diperkenalkan oleh restaurant McDonald dalam tahun 1960an”. Perubahan ini boleh dikategorikan sebagai perubahan terancang organisasi McDonald. Nyatakan sama ada ia benar atau salah.

.....

(2 markah)

- S5 Berikan contoh bagi menunjukkan makna pengurusan perubahan (change management) dari perspektif .

(a) amalan profesional .....

(b) tugas(task) mengurus perubahan.....

(4 markah)

S6 Lukiskan satu rajah bagi menggambarkan konsep perubahan membangun (developmental change).

(4 markah)

S7 Berikan contoh senario perubahan berikut dalam konteks pendidikan.

- (a) Perubahan transformasi .....
- (b) Perubahan transisi.....

(4 markah)

S8 Nyatakan satu kegunaan prinsip, dan satu contoh prinsip perubahan yang berkaitan dengannya.

- (a) Kegunaan: .....
- (b) Prinsip: .....

(4 markah)

S9 Pilih satu kesilapan lazim yang biasa berlaku dalam mana-mana inisiatif perubahan dan kenal pasti satu prinsip perubahan yang sesuai dipadankan dengannya.

- (a) Kesilapan : .....
- (b) Contoh prinsip : .....

(4 markah)

S10 Berikan contoh perubahan berikut dalam konteks mentadbirkan sebuah sekolah rendah.

- (a) Perubahan proaktif.....
- (b) Perubahan reaktif .....

(4 markah)

- S11 Faktor globalisasi dikatakan boleh menimbulkan “more hazards and more opportunities”. Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, berikan;
- (a) Takrif globalisasi .....
- (b) Satu contoh *opportunity*.....
- (c) Satu contoh *hazard*.....
- (6 markah)
- S12 Faktor persekitaran juga merupakan satu pendesak terhadap perubahan. Berikan dua kategori faktor persekitaran yang boleh menjana perubahan proaktif untuk sekolah atau organisasi anda.
- (a) .....
- (b) .....
- (4 markah)
- S13 Peringkat-peringkat (stages) perubahan secara teori boleh diterangkan dengan beberapa cara. Lukis dan labelkan rajah Lengkok J (J curve) bagi menerangkan peringkat-peringkat perubahan ini.
- (4 markah)  
(Jumlah 50 markah)

**BAHAGIAN B**

**Jawab sama ada soalan S1 atau soalan S2, dan Soalan S3**

**Empat Aspek Tingkat Sistem Pendidikan**

KUALA LUMPUR 17 Ogos - Raja Muda Perak, Raja Dr. Nazrin Shah menggariskan empat aspek utama sistem pendidikan yang memerlukan perhatian khusus demi memenuhi keperluan ekonomi berdasarkan pengetahuan dan inovasi. Titah baginda, keempat-empat aspek berkenaan ialah kurikulum, sistem penilaian, strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran serta bahasa Inggeris. Raja Nazrin yang juga Pro-Canselor Universiti Malaya bertitah semasa merasmikan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Untuk Semua di Hotel Legend di sini hari ini. Utusan Malaysia 18/8/09

Sebagai seorang guru besar yang proaktif, anda bercadang untuk memperkenalkan satu kaedah pengajaran Sains yang lebih inovatif iaitu *Outdoor Science*. Tujuan pendekatan ini adalah untuk menanamkan budaya menyelidik dalam kalangan murid, meningkatkan minat terhadap pembelajaran Sains dan mengurangkan orientasi peperiksaan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut. Menggunakan pendekatan ini, pengajaran Sains 80% peratus akan berlaku di luar, manakala 20% peratus selebihnya akan berlaku di makmal atau bilik darjah. Semasa pengajaran Sains guru perlu membawa murid-murid ke lokasi yang berkaitan dengan objektif pembelajaran pada hari berkenaan seperti ke sungai, taman, bengkel dan lain-lain.

- S1 (a) Dengan menggunakan model Kubler-Ross huraikan peringkat-peringkat reaksi individu guru-guru Sains di sekolah anda yang mungkin memberikan halangan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan ini? (20 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana peringkat-peringkat dalam model Kubler-Ross ini boleh dikaitkan dengan model tiga peringkat perubahan (tree stages of change) iaitu pencairan-berubah-pembekuan? (5 markah)
- S2 (a) Berdasarkan senario yang sama seperti pada soalan S1, huraikan bagaimana anda boleh menggunakan model ADKAR untuk menjayakan cadangan perubahan ini? (20 markah)
- (b) Bincangkan bagaimana fasa-fasa dalam model ADKAR ini boleh dikaitkan dengan model tiga peringkat perubahan iaitu pencairan-berubah-pembekuan? (5 markah)

S3 Perubahan sebagaimana ditakrifkan oleh Hunsaker & Coffey ialah

*The coping process of moving from the present state to desired state that individuals, groups, and organization undertake in response to dynamic internal and external factors*

- (a) Lukiskan satu model konsep bagi menunjukkan takrif ini dalam bentuk rajah. Berikan satu contoh senario bagi menjelaskan model anda supaya ia lebih mudah difaham. (16 markah)
- (b) Untuk membantu anda menguruskan perubahan, menguasai beberapa kemahiran mengurus perubahan adalah perlu. Pilih tiga daripada kemahiran-kemahiran ini dan terangkan bagaimana ia dapat anda gunakan. (9 markah)